



Sebuah iklan istimewa tersiar di dalam Utusan Melayu 20 Ogos meminta Ummu Kalsum binti Muhammad Yusuf hadir di Mahkamah Syariah Singapura kerana Saini bin Mahmud menuntut cerai. Siaran ini harus dari Mahkamah Syariah Singapura. Suami berhak menceraikan isterinya apa pula perlu dibicarakan tanya orang. Ada orang jawab sekarang dunia moden sebab itu segala hukum buang ikut sahajalah hukuman Eropah atau hukuman Kristian habis perkara. Ada pula yang bertanya apakah sebenarnya sekarang Mahkamah Syariah yang menjalankan hukum syarak di dalam nikah atau hukum apa? Mahu jawapan ini tanya terus kepada Hakim Mahkamah Syariah.

* * *

Seorang anggota Dewan Rakyat wanita di dalam ucapannya menyelar wakil-wakil rakyat dengan katanya kalau dahulu miskin sekarang sudah kaya dan tidak mahu atau kurang benar mengunjungi kawasannya. Kisah ini disambut oleh Bajang dengan katanya kenapa pula tidak disebut bahawa barangkali ada yang sudah beristeri dua. Bung Bajang! Bung Bajang! kalau isteri dua tidak apa, sebab sampai empat kalau sanggup diluluskan tetapi kalau pakai wanita banyak-banyak di luar nikah bagaimana....? Lebih hebat bung!

* * *

Saudara Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura dalam ucapan-ucapan referendurnya di dalam Bahasa Melayu banyak menuduh orang-orang yang tidak bersetuju dengannya dengan budak-budak macam budak-budak. Cara-cara ini. Kalau dalam Bahasa Melayu tidak molek terutamanya dengan sifatnya sebagai Perdana Menteri. Sepatutnya saudara Lee, di dalam kempen itu bukannya menjawab tuduhan-tuduhan yang bersoal jawab seperti orang bertengkar tetapi memberi penjelasan dengan cara yang teratur. Jelas dan tersusun. Dengan begitu baharulah sesuai sifatnya sebagai Perdana Menteri.

Perwakilan Indonesia di Singapura tatkala membina bangunan di Orchard Road, telah menanam terlebih dahulu kepala kerbau yang dibungkus dengan kain putih. Perbuatan ini perbuatan semah namanya. Mufti-mufti di Tanah Melayu semuanya bekerja keras membanteras semah terutamanya Mufti Terengganu.

Apakah ini nanti akan diikuti-ikuti pula oleh orang-orang disini kerana datangnya dari Indonesia? *Mā shā'a Allāh!* Mudah-mudahan ulama-ulama Indonesia yang datang ke mari memberi nasihat kepada mereka.

* * *

Cerita kepala kerbau ditanam untuk membina rumah nanti harus membawa pula tiruan dengan diubah iaitu ada kata mereka yang lebih baik. Apakah yang lebih baik itu? Jawabannya Qur'an sahaja lebih banyak berkatnya kalau ditanam di sana. Kalau terjadi begini baharu berabih! Qur'an untuk dibaca, ditanam maka terbenamlah segala pengajaran Islam. Begitulah yang dikatakan khurafat yang dilakukan oleh orang-orang yang hanya berkuliah Islam.

* * *

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan undang-undang siaran yang menegah akhbar-akhbar menyiarkan berita-berita yang boleh merosakkan akhlak. Langkah yang dikemukakan oleh Dr. Dato' Ismail ini sangat baik dan tepat pada masanya kerana bung Bajang dan bung Damak sangat meriah menyiarkan berita itu sehingga terpaksa-paksa mengambil gambar orang yang tersangkut di dalam perkara itu dan ada kamera yang hampir pecah dilanyak orang. Tidakkah ini satu hal yang memberi malu yang lebih besar daripada hukuman yang dijatuhkan kepada mereka?

* * *

Kerajaan Selangor, menerusi Jabatan Agamanya, membuat isytihar bahawa perbicaraan-perbicaraan mengenai khalwat dalam masa yang akan datang adalah dibicarakan dalam kamera ertinya tidak dibukakan kepada umum. Dengan isytihar ini maka Bung Damak dan bung Bajang harus melumu jari sebab skop yang baik sudah tertutup! Semua orang yang berperasaan dan terasa tersentuh perasaannya kerana siaran-siaran Bung Damak dan Bung Bajang, mengucapkan *al-hamdu lillāh* termasuk.....

– Cemeti al-Farouk